

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 3 / 11 / 2009

# EGM baru akan pecah belahkan MCA - Dr. M

UM - 3/11/09

PUTRAJAYA 2 Nov. - Bebas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) menyifatkan usaha MCA untuk mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang baru akan memecah belah dan melemahkan lagi parti itu.



Menurutnya, ini kerana pihak yang kalah tidak akan mengiktiraf kepu-

tusan yang dicapai dalam EGM baru itu.

"Mereka tidak memikirkan soal kepentingan parti kerana parti hanya menjadi kuda tunggangan mereka.

"Dan mereka fikir dengan menjadi ahli kepada sesebuah parti, mereka akan dapat sesuatu

untuk kepentingan sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pelantikan Mega Signet Sdn. Bhd. sebagai rakan eksklusif kepada Bio Green Bags (BGB) Sdn. Bhd. dan Return 2 Green Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Pergerakan Wanita MCA semalam menyokong penuh saranan 16 anggota jawatankuasa pusat (CC) parti itu untuk mengadakan satu lagi EGM bagi membolehkan pemilihan baru

pujuk pimpinan diadakan.

EGM baru, menurut mereka adalah cara terbaik untuk menyelesaikan masalah yang sedang melanda parti itu.

Sementara itu ditanya mengenai khabar angin menyatakan bekas ahli Parti Keadilan Rakyat (PKR), Badrul Hisham Abdullah akan menyertai UMNO, Dr. Mahathir berkata, UMNO lebih mengetahui sama ada Badrul Hisham mampu berperanan dalam membantu parti itu atau se-

baliknya.

"Tetapi jika UMNO ingin mencapai jumlah yang tinggi (kerusi di Dewan Undangan Negeri), mereka mungkin perlu menerimanya," katanya.

Minggu lalu, Badrul Hisham yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Klang, mengisytiharkan dirinya keluar daripada PKR dan menjadi wakil rakyat Bebas yang menyokong Barisan Nasional berkuat kuasa serta-merta.